



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02 JULY 2017

Gerakan sangkal dakwaan Dr. M

um-2/7/2017 pg.5

KUALA LUMPUR 1 Julai - Parti Gerakan hari ini membidas sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas bekas Perdana Menteri itu berkata bahawa kerajaan akan menahan pemimpin dan mana-mana pihak yang terlibat demonstrasi awam bagi mengurangkan pengaruh pembangkang.

Presidennya, Datuk Seri Mah Siew Keong mendakwa, tindakan tersebut boleh mengundang perasaan takut dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata, apa yang diperkatakan oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu adalah salah dan perkara itu merupakan sebahagian daripada rancangannya terutama selepas disenaraikan untuk menjadi Perdana Menteri jika Pakatan Harapan yang diketuai DAP memenangi pilihan raya akan datang.



MAH SIEW KEONG

“Dr. Mahathir membuat tuntutan yang tidak berasas dan berniat jahat untuk memburuk-burukkan kerajaan pemerintah.

“Adalah malang apabila bekas Perdana Menteri itu beralih kepada taktik menakut-nakutkan rakyat bagi mengurangkan sokongan terhadap kerajaan,” katanya seperti dipetik *Bernama*.

Dr. Mahathir semalam mengkritik kepemimpinan kerajaan pemerintah di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengancam pemimpin pembangkang untuk dikenakan tindakan perundangan.

“Rakyat akan ingat demonstrasi Bersih 5. Najib berkata tidak akan mengharamkannya, namun kita semua tahu usaha yang dilakukan oleh beliau bagi memastikan demonstrasi tersebut tidak dilangsungkan atau cuba untuk mengurangkan kehadirannya,” katanya.